14 UUM/AA87/BH/3.6.2026/P: 14(1)

# Tiga aspek berpotensi penjimatan tanpa jejas ekonomi

**Kuala Lumpur:** Tiga aspek utama berpotensi membawa penjimatan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi, iaitu pertama; subsidi pukal diganti dengan subsidi bersasar bagi mengurangkan ketirisan tanpa menarik perlindungan daripada golongan memerlukan.

Perunding Kanan Global Asia Consulting, Samirul Ariff Othman, berkata kaedah kedua ialah perolehan kerajaan perlu disatukan, didigitalkan dan diaudit lebih ketat memandangkan banyak penjimatan boleh datang daripada harga kontrak, pertindihan projek dan kelewatan pelaksanaan.

Ketiga, katanya, program pembangunan berimpak rendah boleh dijadual semula.

"Penjimatan perlu lebih tertumpu kepada perbelanjaan operasi, tetapi secara selektif kerana risiko memotong operasi boleh menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam jika terlalu kasar.

"Memotong projek pembangunan pula lebih mudah secara politik, tetapi lebih berbahaya untuk jangka panjang kerana jika infrastruktur, digitalisasi, pendidikan teknikal dan tenaga dipotong, pertumbuhan masa depan akan lemah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini memberi bayangan Belanjawan 2027 bakal menampilkan lebih banyak langkah penjimatan susulan kerencaman suasana pasaran semasa.

Anwar berkata, kemungkinan itu turut mengambil kira kesan rantaian serangan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya, Israel ke atas Iran yang turut memberi kesan kepada ekonomi negara.

Dalam pada itu, Samirul Arif menegaskan empat sektor utama perlu terus diberi keutamaan ialah industri elektrik dan elektronik (E&E) termasuk semikonduktor, tenaga dan keselamatan bekalan, ekonomi digital termasuk kecerdasan buatan (AI) serta pusat data dan sektor makanan serta agroteknologi.

"Malaysia perlu terus menyokong pelancongan, logistik, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan industri bernilai tambah tinggi.

"Dalam krisis, kerajaan tidak boleh hanya berjimat, tetapi mesti berjimat sambil membina kapasiti pertumbuhan baharu," katanya.

Sementara itu, Felo Bersekutu Kanan Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, menyifatkan langkah penjimatan yang dijangka dalam Belanjawan 2027 perlu dan wajar.